

Bandar Iskandar Puteri pelihara khazanah alam

ISKANDAR PUTERI: Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) melalui kerangka Iskandar Puteri Rendah Karbon (IPRK) memperkenalkan inisiatif adaptasi perubahan iklim yang dikenali sebagai Iskandar Puteri Blue Carbon.

Datuk Bandar MBIP, Hasrin Kamal Hashim berkata, inisiatif tersebut adalah langkah bagi memulihara dan memelihara ekosistem karbon biru di sekitar kawasan pentadbiran MBIP bersempena dengan sambutan Hari Pemulihan Ekosistem Hutan Bakau Sedunia di Pendas Laut, di sini.

Menurutnya, Bandaraya Iskandar Puteri amat bertuah kerana memiliki khazanah ekosistem karbon biru di sekitar kawasan perairan seperti hutan bakau dan rumput laut yang mampu mengimbangi kepesatan pembangunan dan kelestarian alam sekitar.

“Iskandar Puteri Blue Carbon adalah inisiatif proaktif bagi menterjemah komitmen jangka panjang dalam adaptasi perubahan iklim yang digariskan di dalam Pelan Tindakan Iklim Iskandar Puteri.

“Inisiatif yang bermula pada bulan ini telah menganjurkan aktiviti poket secara bersiri antaranya seperti Aktiviti Tuai dan Semai Bakau, Kelas Ekologi

Bakau, Lawatan Ekologi Rumput Laut dan berakhir pada hari ini,” katanya selepas menyertai Aktiviti Penanaman Bakau di Kampung Pendas Baru, Gelang Patah di sini.

Terdahulu, hampir 200 sukarelawan dalam kalangan komuniti setempat, warga universiti, kakitangan awam dan swasta telah menanam 300 anak pokok bakau serta membersihkan lebih 150 kilogram sampah di sekitar hutan bakau menerusi Aktiviti Plogging.

Hasrin Kamal berkata, MBIP telah mula meneroka inisiatif pemeliharaan karbon biru sejak tahun 2021 melalui Geran Komuniti IPRK.

Katanya, sejumlah RM105,000 dana diperuntukan melalui Geran Komuniti IPRK dari tahun 2021 hingga 2024 antaranya melibatkan penerbitan buku Iskandar - Sayangi Ekosistem Paya Bakau dan Inisiatif Pembersihan Pantai Pulau Merambong dan Penanaman Bakau.

“Bagi edisi tahun 2025, Geran Komuniti IPRK telah menawarkan dana berjumlah RM50,000 daripada jumlah keseluruhan RM700,000 untuk projek berimpak tinggi, Blue Carbon Trail yang bakal melaksanakan penyelidikan dan pemetaan hutan bakau secara sistematik di perairan Tanjung Kupang,” katanya.